

2022

Lembaran Fakta Kesan Dropbox



Jadual Kandungan

Mesej daripada CEO kami.....	3
Mengenai laporan ini.....	6
ESG di Dropbox.....	9
Melindungi pengguna kami.....	14
Mengutamakan modal insan.....	16
Bertindak dengan integriti.....	23
Mengakui kesan kami.....	27
Lampiran.....	31



Mesej daripada CEO kami

Rakan sekerja, pelanggan, pelabur dan rakan niaga yang dihormati:

Di Dropbox, kami komited untuk membangunkan perniagaan lestari yang mencipta nilai jangka panjang. Pada tahun 2022, kami terus mencapai kemajuan berdasarkan inisiatif kesan kami. Sepanjang tahun lalu, kami telah mengurangkan jejak karbon kami dan meneruskan pelaburan dalam program dan inisiatif yang tertumpu kepada pekerja kami.

Tahun 2022 menandakan tahun lengkap kedua kami sebagai syarikat Virtual First, dan kami berbesar hati dengan kemajuan kami setakat ini. Disebabkan pengalaman kerja pekerja kami biasanya dari jauh, kami kini mengukur emisi untuk kerja dari rumah (WFH), dan berbangga kerana kami telah mencapai neutraliti karbon bagi emisi perjalanan perniagaan Skop 1, Skop 2 dan Skop 3 kami, serta emisi WFH kami, dalam tahun 2022. Kami juga telah menyumberkan 100% tenaga elektrik boleh diperbaharui untuk operasi kami, termasuk pusat data lokasi bersama kami, dalam tahun 2022. Saya juga amat berbangga kerana kami telah mencapai matlamat ini lapan tahun lebih awal daripada ikrar kami bagi mencapai matlamat tersebut menjelang 2030.

Kami terus berusaha mencapai komitmen tiga multitalam kami untuk menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman dalam organisasi kami: membina pasukan yang pelbagai dan terangkum, membangunkan dan memajukan kesaksamaan, dan membantu pekerja terlibat dalam pembangunan peribadi. Kami percaya bahawa kepelbagaian–dalam latar belakang, pengalaman dan perspektif–menguatkan kami sebagai sebuah syarikat dan berusaha untuk menjadi terangkum untuk semua orang.

Akhir sekali, kami telah sekian lama meyakini potensi kecerdasan buatan (AI) untuk mengubah sepenuhnya kerja berpengetahuan. Pelanggan kami telah memberitahu betapa mencabarnya untuk kekal teratur dan mencari tugas yang perlu dilakukan sebaik-baiknya apabila berdepan dengan kandungan, apl dan tab yang banyak. Baru-baru ini kami memperkenalkan pengalaman dikuasakan AI generasi baru yang diperibadikan iaitu Dropbox Dash, satu produk carian universal kami yang dikuasakan AI, serta Dropbox AI, dalam Dropbox untuk meningkatkan kehidupan kerja pelanggan kami dan menawarkan hari-hari kerja yang lebih fokus, cekap dan produktif.

Dalam masa yang sama, kami mengakui tanggungjawab berat dengan penggunaan teknologi baru seperti ini bagi pihak pelanggan kami. Untuk “layak dipercayai” telah lama menjadi tumpuan dalam segala yang kami lakukan di Dropbox, dan dalam era AI yang akan datang, kami bertanggungjawab untuk melindungi privasi pelanggan, memperjuangkan keadilan dan bertindak dengan telus. Kami telah menerbitkan satu set Prinsip AI untuk membimbing pasukan kami sambil membangunkan produk dan ciri AI secara bertanggungjawab pada tahun-tahun akan datang.

Dalam mengembangkan penggunaan AI, kami juga sadar tentang penggunaan tinggi tenaga yang diperlukan untuk menggerakkan teknologi ini. Untuk menangani perkara ini, kami akan terus menumpukan pada sumber tenaga boleh diperbaharui bagi pusat data kami dan akan terus telus tentang kemajuan kami.

Kami amat yakin dengan mengutamakan kelestarian, serta melabur dalam AI yang bertanggungjawab dan tenaga boleh diperbaharui, kami dapat membina perniagaan yang lebih kukuh dan lestari yang berada pada landasan tepat untuk menghasilkan nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan kami.

Terima kasih atas sokongan anda yang berterusan.

Yang benar,

Drew Houston

CEO dan Pengasas Bersama Dropbox



“Kami amat yakin dengan mengutamakan kelestarian, serta melabur dalam AI yang bertanggungjawab dan tenaga boleh diperbaharui, kami dapat membina perniagaan yang lebih kukuh dan lestari yang berada pada landasan tepat untuk menghasilkan nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan kami”.

-Drew Houston

Mengenai laporan ini

Lembaran Fakta Kesan 2022 meringkaskan beberapa program dan isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) utama Dropbox, serta kemas kini kemajuan dan pencapaian ESG kami dari tahun 2022. Kami bercadang untuk menerbitkan laporan kesan penuh selang setahun. Untuk maklumat lanjut, lawati www.dropbox.com/esg.

Rangka kerja pelaporan

Kandungan lembaran fakta ini mengandungi penilaian keutamaan ESG kami, yang mengandungi piawaian dan rangka kerja pelaporan kelestarian terkemuka termasuk Inisiatif Pelaporan Global. Pelaporan ESG kami sejajar dengan piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Kelestarian (SASB). Dropbox juga merupakan penandatangan UN Global Compact (UNGC). Laporan ini juga berfungsi sebagai Komunikasi UNGC kami berkenaan Kemajuan.

Tempoh dan sempadan pelaporan

Lembaran fakta ini mengandungi maklumat dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022, melainkan dinyatakan sebaliknya. Data dalam lembaran fakta ini menggambarkan aktiviti Dropbox, Inc. serta anak syarikat milikan penuh.

Jaminan luaran

Dropbox menugaskan Ernst & Young LLP (EY) untuk melakukan semakan bebas bagi metrik ESG terpilih, termasuk emisi gas rumah hijau (GHG) Skop 1, Skop 2 dan Skop 3 Kategori 6 dan pilihan metrik berkaitan kepelbagaian. Satu salinan Laporan Semakan Akauntan Bebas, termasuk jadual metrik yang disemak, boleh didapati dalam Lampiran C.



Kenyataan berpandangan ke hadapan dan penafian material

Kenyataan tertentu dalam laporan ini membentuk “kenyataan berpandangan ke hadapan”, yang dibuat menurut peruntukan safe-harbor Seksyen 21E Akta Bursa Sekuriti 1934 dan undang-undang sekuriti persekutuan yang lain. Kenyataan ini adalah berdasarkan pendapat, jangkaan, kepercayaan, pelan, objektif, andaian, atau unjuran pengurusan berkenaan peristiwa atau hasil masa hadapan pada tarikh laporan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada komitmen, strategi, inisiatif dan matlamat ESG kami, serta kesan komitmen, strategi, inisiatif dan matlamat tersebut terhadap perniagaan kami; pelan dan strategi perniagaan kami; operasi perniagaan kami; teknologi dan perkhidmatan kami; peluang pertumbuhan kami; dan usaha libat urus pihak berkepentingan kami. Kenyataan berpandangan ke hadapan ini hanyalah ramalan, bukan fakta sejarah, dan melibatkan risiko dan ketidakpastian tertentu, serta andaian. Keputusan sebenar, tahap aktiviti, prestasi, pencapaian, dan peristiwa boleh berbeza secara material daripada yang dinyatakan, dijangka, atau dibayangkan oleh kenyataan tersebut. Walaupun Dropbox percaya bahawa andaian tersebut munasabah, terdapat banyak risiko dan ketidakpastian yang boleh menyebabkan hasil sebenar berbeza secara material daripada kenyataan berpandangan ke hadapan, termasuk risiko yang dibincangkan di bawah pengepala “Faktor Risiko” dalam Laporan Tahunan kami pada Borang 10-K bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, yang difailkan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S. (SEC) serta faktor lain yang diterangkan dalam pemfailan kami dengan SEC. Dropbox tidak bertanggungjawab mengemas kini atau menyemak sebarang kenyataan berpandangan ke hadapan dalam laporan ini, melainkan dikehendaki oleh undang-undang.

Walaupun Dropbox percaya matlamat dan inisiatif ESG kami adalah penting, pada masa ini kami tidak percaya bahawa matlamat, inisiatif atau risiko ESG kami penting kepada keputusan kewangan dan keputusan operasi kami, kecuali setakat yang dirujuk dalam laporan tahunan kami pada Borang 10-K dan pemfailan 10-Q yang seterusnya. Laporan ini juga mengandungi langkah atau objektif modal insan yang mungkin berbeza daripada atau sebagai tambahan kepada langkah atau objektif modal insan yang wajib didedahkan oleh Dropbox dalam pemfailan SEC A.S. Untuk perbincangan tentang langkah atau objektif modal insan yang difokuskan oleh Dropbox dalam mengurus perniagaan, lihat bahagian “Modal Insan” dalam laporan tahunan terbaru kami pada Borang 10-K.

Penghargaan

Terima kasih kepada rakan niaga luar yang membantu Dropbox membina Lembaran Fakta ini:

- [Orrick Herrington & Sutcliffe LLP](#)
- [Persefoni](#)
- [WSP](#)

ESG di Dropbox

Sorotan ESG	10
Keutamaan ESG kami	11
Komitmen ESG	12

Sorotan alam sekitar


- Membangunkan teknologi Deep Sleep kami, yang penting dalam mengurangkan penggunaan elektrik sebanyak kira-kira 5.1 juta kilowatt jam di pusat data kami pada tahun 2022.¹
- Mendapatkan sumber tenaga boleh diperbaharui 100% untuk tahun kedua berturut-turut.^{2,3}
- Mencapai neutraliti karbon untuk Skop 1, Skop 2 (berasaskan pasaran), dan emisi perjalanan perniagaan Skop 3, serta emisi kerja dari rumah (WFH).^{4,5}

Sorotan tadbir urus

- Menerbitkan Laporan Kesan ESG sulung kami pada tahun 2022.
- Memperbesar Pejabat Pegawai Perlindungan Data.

Sorotan sosial

- Memperluas manfaat kesuburan dan pembentukan keluarga di peringkat antarabangsa untuk menyokong pekerja kami yang berusaha membesarkan keluarga.
- Melancarkan program pembangunan kepimpinan mandatori baru untuk semua pengurus yang dinamakan “High Impact Leadership” untuk membantu memupuk budaya yang fokus pada tanggungjawab dan kebertanggungjawaban atas hasil.
- Menyaksikan kenaikan 91.5% dalam jam sukarelawan pekerja dari tahun 2021.⁶



¹ Untuk maklumat lanjut tentang teknologi **Deep Sleep**, sila lihat Lampiran C.

² Untuk maklumat lanjut tentang **matlamat tenaga boleh diperbaharui kami**, lihat Lampiran C.

³ Untuk maklumat lanjut tentang **infrastruktur pusat data kami**, lihat Lampiran C.

⁴ Untuk maklumat tentang metodologi anggaran **emisi WFH**, lihat Lampiran C.

⁵ Kami membeli kuantiti kredit karbon yang setara untuk meneutralkan emisi Skop 1 dan Skop 3 kategori 6.

⁶ Kenaikan ini disebabkan oleh peningkatan acara bersemuka berikutan pandemik COVID-19, serta fokus strategik untuk menambah jam kerja sukarelawan bagi organisasi bukan untung berkaitan iklim.

Keutamaan ESG kami

Pada tahun 2021, Dropbox melakukan penilaian topik keutamaan ESG dan mengenal pasti 12 topik keutamaan ESG (tersenarai di bawah). Berdasarkan 12 topik ini, kami menetapkan empat bidang kesan utama pada 2022⁷: melindungi pengguna kami, mengutamakan modal insan, bertindak dengan integriti, dan mengakui kesan kami. Untuk maklumat terperinci tentang pendekatan kami bagi setiap topik, sila baca [Laporan Kesan ESG 2021](#) kami.

Bidang kesan	Topik keutamaan
Melindungi pengguna kami	<ul style="list-style-type: none">• Privasi dan keselamatan data• Tanggungjawab produk dan etika data
Mengutamakan modal insan	<ul style="list-style-type: none">• Penarikan minat dan libat urus bakat• Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerja• Kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman• Jurang gaji dan upah yang saksama• Kebolehcapaian
Bertindak dengan integriti	<ul style="list-style-type: none">• Etika perniagaan dan integriti• Hak asasi manusia dan pekerja• Pengurusan risiko
Mengakui kesan kami	<ul style="list-style-type: none">• Kelestarian infrastruktur IT• Tenaga, emisi dan iklim

Lembaran fakta ini merangkumi kemas kini kemajuan terkini kami bagi keutamaan ESG tertentu. Untuk maklumat terperinci tentang pendekatan bagi setiap topik, rujuk [Laporan Impak ESG 2021](#).


⁷ Pada tahun 2022, kami mengemas kini tajuk dan pengelompokan bidang kesan ESG dan topik keutamaan untuk susunan maklumat yang jelas dan padat dan memudahkan pemahaman. Kandungan dan topik keutamaan kekal sama.

Komitmen ESG

Matlamat kelestarian

Pada tahun 2020, kami menetapkan matlamat kelestarian yang berikut untuk dicapai menjelang tahun 2030. Setiap satunya berjaya dicapai pada tahun 2022.

1. Mencapai neutraliti karbon untuk emisi Skop 1 dan Skop 2 (berasaskan pasaran), serta emisi perjalanan perniagaan Skop 3 dan emisi WFH.
2. Menyumbangkan 100% tenaga boleh diperbaharui untuk operasi, termasuk pusat data.
3. Menyokong organisasi yang berkecimpung dalam tindakan iklim, seperti Yayasan Keadilan Alam Sekitar dan Surfrider Foundation.⁸
4. Menggerakkan pekerja untuk menggunakan waktu rehat sukarela untuk perjuangan alam sekitar.



Kami sentiasa menyemak matlamat kelestarian kami dan kemajuan kami dalam mencapai matlamat tersebut, supaya matlamat kelestarian dapat dikemas kini pada masa hadapan agar selari dengan pembangunan program dan strategi ESG kami.

Kami berbesar hati dapat melaporkan bahawa keempat-empat Matlamat Kestarian kami telah dicapai pada tahun 2022, lapan tahun lebih awal daripada yang dijadualkan!

⁸ Kami menyokong Yayasan Keadilan Alam Sekitar dan Surfrider Foundation melalui rakan niaga kami, Yayasan Dropbox, dan sumbangan yang setara dengan derma pekerja.



Matlamat kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman

Kami terus berusaha memenuhi komitmen tiga multitaruh kami untuk menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman dalam organisasi kami:

1. Meneruskan pembinaan pasukan yang pelbagai dan terangkum.
2. Membangun dan maju dengan saksama.
3. Terlibat dalam pembangunan peribadi.

Anda boleh membaca tentang kemajuan kami dalam memenuhi komitmen ini dalam [Laporan Kepelbagaian 2022 kami](#).

Memperluas matlamat neutraliti karbon kami

Dropbox menjadi syarikat Virtual First⁹ pada tahun 2021. Ini meletakkan kami antara pengamal kerja dari jauh yang terawal. Sama seperti yang telah dinyatakan tentang Virtual First selama bertahun-tahun demi kejayaan pekerja, kami juga ingin memastikan model operasi kami sejajar dengan keutamaan ESG kami. Pada tahun 2022, kami mengembangkan matlamat neutraliti karbon kami untuk menampung emisi GHG berkaitan kerja maya. Kami berbesar hati dapat mengumumkan bahawa semua anggaran emisi WFH kami dineutralkan menggunakan ofset dan penyingkiran karbon pada tahun 2022.

⁹ Di Dropbox, "Virtual First" bermaksud kerja jauh menjadi pengalaman utama untuk pekerja Dropbox. Ini tidak bermakna Dropbox tidak mempunyai pejabat: kami mempunyai Dropbox Studio sebagai ruang fleksibel yang digunakan sekali-sekala untuk kerjasama, mesyuarat dan acara bersemuka, serta ruang kerja atas permintaan melalui pihak ketiga.

Melindungi pengguna kami

Privasi, keselamatan dan kebolehpercayaan data 15

Privasi, keselamatan dan kebolehpercayaan data

Nilai nombor satu kami di Dropbox ialah “Layak dipercayai,” dan kami tidak mengambil mudah perkara itu. Kami percaya bahawa data, pasukan dan peranti mustahak dilindungi di mana-mana sahaja. Program keselamatan, pematuhan dan privasi kami yang komprehensif— [Program Amanah Dropbox](#) menjadi teras semua produk kami. Program kami sentiasa berkembang untuk bertindak balas terhadap perubahan pasaran dan cabaran baru. Sumber terkini mengenai pematuhan keselamatan, penyimpanan data, serta piawaian dan peraturan privasi tersedia pada [laman web kami](#).

[Dasar Privasi](#) kami menerangkan pengendalian dan perlindungan maklumat pengguna, termasuk cara data peribadi anda dikumpul, digunakan dan disimpan apabila anda menggunakan perkhidmatan Dropbox.

Maklumat lanjut tentang pendekatan kami terhadap privasi, keselamatan dan kebolehpercayaan data juga tersedia dalam [Laporan Kesan ESG 2021](#), [Kertas Putih Privasi dan Perlindungan Data](#), [Kertas Putih Keselamatan Dropbox Business](#), [Dasar Penggunaan Boleh Diterima \(AUP\)](#), [laporan dwitahunan Ketelusan di Dropbox](#), dan [Prinsip Panduan](#) bagi bertindak balas terhadap permintaan data daripada pihak kerajaan.

Mengembangkan pendekatan kami

Kami terus meningkatkan pendekatan kami terhadap pematuhan, keselamatan, privasi dan perlindungan data. Beberapa pencapaian kami dari tahun 2022 disertakan di bawah.

- Mencapai pematuhan terhadap [Tatakelakuan Awan EU](#) untuk Dropbox Business.
- Mewujudkan pasukan Kejuruteraan Privasi baru yang khusus untuk membina kawalan dan keupayaan teknikal berkaitan privasi.
- Melaksanakan hak global untuk memilih keluar daripada berkongsi maklumat peribadi untuk tujuan pengiklanan bersasar.
- Menjadikan pengesanan perisian tebusan tersedia kepada pelanggan dalam Dropbox Advanced, Dropbox Enterprise dan Dropbox Standard dengan penambahan Keselamatan Dropbox, yang membantu menghalang serangan perisian tebusan hasad merebak melalui pengesanan awal aktiviti mencurigakan.




Mengutamakan modal insan

Penarikan minat dan libat urus bakat	17
Kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman	18
Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan	20
Kesan sosial	21

Penarikan minat dan libat urus bakat

Kami mahu semua pekerja meningkat, berkembang dan berjaya dalam kerjaya mereka di Dropbox. Maklumat lanjut tentang penarikan minat dan libat urus bakat tersedia di bawah dan pada [halaman web manfaat pekerja kami](#).



Mengukur libat urus pekerja di Dropbox

Dua kali setahun, kami menjalankan tinjauan libat urus pekerja yang dipanggil “Soapbox” yang menyediakan saluran rasmi untuk pekerja dan ketua menyerahkan maklum balas terhadap perkara yang berjalan lancar dan cadangan penambahbaikan. Pada tahun 2022, 91% pekerja telah menjawab tinjauan Soapbox. Kami juga mencapai markah positif tertinggi dalam tinjauan libat urus pekerja, dan pekerja kami menyatakan bahawa Virtual First telah menyumbang kepada libat urus, produktiviti, keberkesanan dan kesejahteraan yang lebih baik.

Mereka bentuk tenaga kerja yang berkesan

Pada tahun 2022, kami telah:


- Membangunkan falsafah pengambilan pekerja baru—[Cara Dropbox](#)—berdasarkan enam prinsip pengambilan untuk memacu budaya pengambilan bakat berimpak tinggi, iaitu: bekerja dengan bakat terbaik, mengambil bakat secara saksama, menilai dengan tujuan, melabur dalam kejayaan, melayan calon seperti pelanggan, dan memenuhi janji Dropbox.
- Melancarkan program “High Impact Leadership” untuk memupuk budaya yang fokus pada pemilikan dan kebertanggungjawaban bagi hasil dan memacu keputusan yang sesuai untuk perniagaan.

Kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman

Kami berusaha membina komuniti yang asli, terangkum dan terhubung. Maklumat lanjut tentang pendekatan kami terhadap kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman tersedia dalam [Laporan Kesan ESG 2021](#), [halaman web Kepelbagaian di Dropbox](#), dan [Laporan Kepelbagaian 2022](#) kami.




Perwakilan Pekerja Wanita di Dropbox¹⁰




¹⁰ Untuk maklumat lanjut tentang cara Dropbox mentakrifkan istilah **Kepelbagaian yang tertentu**, sila lihat Lampiran C.

Etnik A.S. di Dropbox¹¹


Dropbox




Kepimpinan




Pengurus



Teknologi



Bukan teknologi



¹¹ Untuk maklumat lanjut tentang cara Dropbox mentakrifkan istilah Kepelbagaian yang tertentu, sila lihat Lampiran C.

Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan

Pada bulan April 2021, kami telah beralih kepada model operasi Virtual First yang menjadikan kerja dari jauh sebagai pengalaman utama untuk pekerja. Justeru, kami komited untuk mengekalkan pemikiran pembelajaran sambil berkongsi penemuan kami.

Atas semangat itulah kami menjalankan tinjauan Kehidupan Dalam Virtual First kami pada Musim Panas 2022 yang bertanyakan tentang pengalaman pekerja Dropbox dalam Virtual First dan alat yang mereka perlukan untuk berjaya. Melalui tinjauan ini kami mendapati 93% responden bersetuju bahawa mereka boleh bekerja dari rumah dengan berkesan. Hasil lengkap yang memberikan pandangan bernilai tentang titik perubahan bagi pelaksanaan Virtual First dikongsikan dalam [siaran blog ini](#). Kami berharap pandangan ini dapat memberikan panduan tambahan kepada individu dan syarikat yang ingin terus mengoptimumkan pengalaman kerja hibrid atau kerja dari jauh.

Maklumat lanjut tentang pendekatan kami terhadap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan tersedia dalam [Laporan Kesan ESG 2021 kami](#).



Kesihatan holistik

[Manfaat](#) kami merangkumi pelan perubatan, pergigian dan penglihatan, perancangan persaraan dan program 401k, perlindungan hayat dan hilang upaya, serta pilihan bimbingan dan terapi yang ditawarkan melalui Kesihatan Moden.¹²


¹² Ini ialah manfaat di A.S. Kami menyediakan manfaat kewangan dan kesejahteraan dalam konteks perkara yang relevan dan berfaedah di negara tertentu, di seluruh dunia.

Kesan sosial

Di Dropbox, kami komited untuk memanfaatkan kakitangan, produk dan sumber kami demi kebaikan, yang diyakini dapat menyumbang secara positif kepada budaya kerja kami dan membantu kami merekrut dan mengekalkan pekerja berbakat.

Sorotan 2022

- Meningkatkan jam kerja sukarela pekerja sebanyak 91.5%.
- Memulakan program perantisan ketiga kami dengan bekerjasama dengan Next Chapter, sebuah organisasi yang mewujudkan tempat kerja lebih saksama untuk bekas banduan.¹³
- Menganjurkan tiga Hari Kesan peringkat global —masa yang dikhususkan untuk memperkasa pekerja bagi menyumbang kepada komuniti mereka.



¹³ Kohort ketiga perantis Next Chapter kami telah menamatkan program pada Julai 2023.

Dropbox demi Kebaikan

Dropbox demi Kebaikan ialah sebuah kumpulan diterajui pekerja yang menggalakkan mereka menggunakan kemahiran dan masa untuk berkhidmat kepada komuniti mereka. Kami memberikan cuti 32 jam kerja sukarela setahun kepada semua pekerja sepenuh masa, membenarkan mereka mendermakan produk kami kepada badan bukan untung setiap tahun, dan menawarkan hadiah amal yang setara dengan sumbangan mereka sehingga \$2,000 setahun bagi setiap pekerja sepenuh masa.

Sekilas pandang—Dropbox demi Kebaikan

	2021	2022
Jam kerja sukarela pekerja	1,910	3,657
Derma pekerja dan hadiah korporat yang setara ¹⁴ (USD)	\$1.7j	\$1.6j

Yayasan Dropbox

Kami bekerjasama dengan [Yayasan Dropbox](#), yang menyediakan geran tanpa had sehingga tiga tahun dan memperkasa pekerja Dropbox untuk menyumbang melalui kerja sukarelawan berasaskan kemahiran. Setakat 31 Disember 2022, Yayasan Dropbox telah menderma lebih \$5 juta kepada organisasi hak asasi manusia sejak tahun 2018.

Anda boleh membaca tentang beberapa projek sukarelawan berasaskan kemahiran yang diusahakan oleh pekerja kami semasa Hack Week 2022 kami dalam [siaran blog ini](#).



¹⁴ Jumlah ini dibundarkan kepada ratus ribu dolar terdekat.

Bertindak dengan integriti

Etika perniagaan dan integriti	24
Tadbir urus korporat	25

Etika perniagaan dan integriti


Kami bukan sekadar mengubah cara manusia bekerja, kami turut mereka bentuk cara kerja yang lebih pintar—yang bermula dari dalam.

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika di Seluruh Dunia

(Tatakelakuan) kami direka untuk menghalang salah laku dan menggalakkan integriti, kejujuran, pematuhan undang-undang, aturan dan peraturan, tanggungjawab fiskal dan kebertanggungjawaban. Tatakelakuan kami yang telah diterima pakai oleh lembaga pengarah kami terpakai bagi pekerja, pegawai, pekerja sementara dan pengarah kami dan disemak setiap tahun dan dikemas kini jika perlu. Jawatankuasa Audit kami bertanggungjawab menyemak dan memantau pematuhan terhadap Tatakelakuan.

Pekerja kami dikehendaki melengkapkan latihan tatakelakuan tahunan, selain latihan keselamatan maklumat dan privasi tahunan. Pada tahun 2022, 99% pekerja sepenuh masa telah menamatkan latihan ini. Pekerja juga dikehendaki mematuhi dasar keselamatan dan privasi maklumat kami, yang disemak dan dikemas kini setiap tahun.

Maklumat lanjut tentang pendekatan etika dan integriti perniagaan kami juga tersedia dalam [Laporan Kesan ESG 2021, FCPA dan Dasar Antirasuah](#), serta [Tatakelakuan Pembekal](#) kami.



Tadbir urus korporat

Di Dropbox, kami komited terhadap tadbir urus korporat yang kukuh untuk menyokong misi kami dalam mereka bentuk cara kerja yang lebih pintar. Maklumat lanjut tentang pendekatan kami dalam tadbir urus korporat tersedia dalam [Laporan Kesan ESG 2021](#), [Pernyataan Proksi 2022](#) dan [halaman web Tadbir Urus Korporat](#) kami.


Tadbir urus dan penyeliaan ESG

Pada bulan Mei 2022, lembaga pengarah syarikat kami mewakili penyeliaan aktiviti, program dan pendedahan ESG Dropbox kepada [Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat](#) syarikat. Lembaga pengarah juga menyerahkan penyeliaan aktiviti pengurusan modal insan Dropbox kepada [Jawatankuasa Bakat dan Pampasan](#). Selain itu, [Jawatankuasa Audit](#) menyelia inisiatif yang berkaitan dengan infrastruktur operasi kami, khususnya kebolehpercayaan, kesinambungan perniagaan,

keselamatan siber dan privasi data, serta program pengurusan risiko perniagaan kami, yang diterangkan dengan lebih lanjut dalam “Peranan Lembaga Pengarah dalam Proses Penyeliaan Risiko” dalam [Laporan Kesan ESG 2021](#) kami.

Maklumat lanjut tentang pendekatan tadbir urus dan penyeliaan ESG juga tersedia dalam [Laporan Kesan ESG 2021](#) kami.

Kebebasan pengarah



Tempoh khidmat pengarah



Matriks kepelbagaian lembaga pengarah (setakat 23 Mac 2023) ⁽¹⁵⁾				
Pengarah	8			
	Wanita	Lelaki	Bukan binari	Tidak mendedahkan jantina
Identiti jantina				
Pengarah	3	5		
Bilangan Pengarah yang dikenal pasti dalam mana-mana kategori di bawah				
Orang Amerika Afrika atau Kulit Hitam		1		
Orang Asli Alaska atau Orang Asli Amerika				
Orang Asia	1	1		
Orang Hispanik atau Latino				
Orang Asli Hawaii atau Kepulauan Pasifik				
Kulit Putih	2	3		
Dua atau Lebih Kaum atau Etnik				
LGBTQ+				
Tidak mendedahkan latar belakang demografi				


¹⁵ Matriks kepelbagaian lembaga pengarah di atas membentangkan statistik kepelbagaian mengikut format dalam peraturan Nasdaq.

Mengakui kesan kami

Tenaga.....	28
Emisi.....	30
Sisa elektronik.....	30

Tenaga

Dropbox bergantung pada pusat data untuk menjalankan perniagaan, dan penggunaan elektrik merupakan salah satu punca terbesar emisi GHG kami. Pengurusan tenaga yang betul menjadi komponen penting dalam mengendalikan perniagaan secara lestari dan bertanggungjawab. Maklumat lanjut tentang pendekatan kami dalam mengurus penggunaan tenaga tersedia dalam bahagian Alam Sekitar dalam [Laporan Kesan ESG 2021](#) kami.




Penjimatan Elektrik melalui Teknologi Deep Sleep kami


Teknologi Deep Sleep kami yang inovatif dan berautomasi memainkan peranan penting dalam mengurangkan kira-kira 5.1 juta jam kilowatt tenaga di pusat data kami pada tahun 2022.

Teknologi Deep Sleep mengoptimalkan penggunaan pelayan dengan membolehkan pelayan melahu memasuki mod rendah tenaga secara automatik, dan mengurangkan penggunaan tenaga tanpa menjejaskan prestasi. Hasilnya, pusat data yang dilengkapi teknologi ini dapat mengurangkan kesan tenaga dan kos utiliti dengan ketara.

Penggunaan elektrik (MWj)



Tanda aras keberkesanan penggunaan kuasa (PUE) pusat data



Emisi

Dropbox mengukur emisi GHG langsung dan tidak langsung melalui penggunaan tenaga di kemudahan dan pusat data kami, serta emisi fugitif daripada penyejuk—emisi GHG Skop 1 dan Skop 2. Kami juga mengukur emisi GHG Skop 3 melalui emisi perjalanan perniagaan dan WFH. Maklumat lanjut tentang pendekatan kami dalam mengurus emisi GHG tersedia dalam [Laporan Kesan ESG 2021 kami](#).


Emisi GHG

	2019 mtCO ₂ e	2020 mtCO ₂ e	2021 mtCO ₂ e	2022 mtCO ₂ e
Skop 1	773	1,623	1,053	768
Skop 2 (berasaskan pasaran)	54,729	53,533	0	0
Skop 3 (perjalanan perniagaan)	5,113	419 ¹⁶	41 ¹⁷	1,687

Sisa elektronik

Mengekalkan kecekapan dan kebolehpercayaan sumber di pusat data kami memerlukan naik taraf berkala perkakasan IT. Kami mengambil serius tanggungjawab ini dengan melupuskan perkakasan yang tidak lagi digunakan. Kami juga berusaha sebaik mungkin untuk menjual semula perkakasan IT untuk melanjutkan jangka hayat peralatan, menggalakkan pemuliharaan sumber, dan membolehkan pemulihan nilai ekonomi. Maklumat lanjut tentang pendekatan kami dalam mengurus sisa elektronik tersedia dalam [Laporan Kesan ESG 2021 kami](#).

E-sisa dijana: pelayan dijual semula vs. dikitar semula
(tan pendek)



¹⁶ Emisi perjalanan perniagaan Skop 3 kami menurun dengan ketara antara tahun 2019 hingga 2021, sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan perjalanan perniagaan akibat Pandemik COVID-19.

¹⁷ Emisi perjalanan perniagaan Skop 3 kami kekal rendah pada tahun 2021 yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan perjalanan perniagaan akibat Pandemik COVID-19.

Lampiran

Lampiran A	32
Lampiran B	36
Lampiran C	38

Lampiran A

Indeks SASB

Standard Perisian & Perkhidmatan IT SASB 2018		
Kod	Metrik perakaunan	Respons
Jejak alam sekitar oleh infrastruktur perkakasan		
TC-SI-130a.1	(1) Jumlah tenaga digunakan, (2) peratusan elektrik grid, (3) peratusan boleh diperbaharui	Pada tahun 2022, pusat data kami menggunakan 436,806 gigajoule (GJ) elektrik. 100% merupakan elektrik grid, dan 100% daripada beban IT langsung di pusat data lokasi bersama telah diperbaharui melalui pembelian REC. Lihat bahagian Alam Sekitar dalam Laporan Kesan ESG 2021 kami atau bahagian Mengakui Kesan kami dalam Lembaran Fakta Kesan ini untuk maklumat lanjut.
TC-SI-130a.2	(1) Jumlah air dikeluarkan, (2) jumlah air digunakan, peratusan setiap satu di kawasan yang mempunyai Tegasan Air Garis Dasar Tinggi atau Amat Tinggi	Pada tahun 2022, pusat data kami telah mengeluarkan 76,515 meter padu air. Air itu digunakan untuk penyejukan dalam proses gelung tertutup, oleh itu air tidak perlu digunakan. 3.07% daripada pengeluaran ini berlaku di kawasan yang dikenal pasti oleh Institut Sumber Dunia sebagai mengandungi tegasan air garis dasar tinggi atau amat tinggi.
TC-SI-130a.3	Perbincangan tentang menyepadukan pertimbangan alam sekitar dalam perancangan strategik untuk keperluan pusat data	Dropbox fokus dalam mengurangkan penggunaan tenaga di pusat data kami dengan mengekalkan PUE terbaik, mengoptimumkan penggunaan kuasa keseluruhan, dan mendapatkan 100% tenaga elektrik boleh diperbaharui bagi beban IT langsung di pusat data. Lihat bahagian Alam Sekitar dalam Laporan Kesan ESG 2021 kami atau bahagian Mengakui Kesan kami dalam Lembaran Fakta Kesan ini untuk maklumat lanjut.

Privasi data dan kebebasan bersuara		
TC-SI-220a.1	Perihal dasar dan amalan yang berkaitan dengan pengiklanan berdasarkan tingkah laku dan privasi pengguna	Lihat bahagian Privasi, Keselamatan dan Kebolehpercayaan Data dalam Laporan Kesan ESG 2021 dan Dasar Privasi kami .
TC-SI-220a.2	Bilangan pengguna yang maklumatnya digunakan untuk tujuan sekunder	Dropbox tidak menjual data pengguna dan tidak menjana wang daripada pengiklanan. Lihat bahagian Apa & Mengapa dalam Dasar Privasi kami untuk maklumat lanjut.
TC-SI-220a.3	Jumlah kerugian kewangan akibat prosiding undang-undang yang berkaitan dengan privasi pengguna	Pada tahun 2022, kami tidak mengalami sebarang kerugian kewangan yang material akibat prosiding undang-undang yang dikaitkan dengan privasi pengguna. Apabila kriteria pendedahan awam dipenuhi, kerugian kewangan akibat prosiding undang-undang akan dimasukkan dalam Borang 10-K kami .
TC-SI-220a.4	(1) Bilangan permintaan maklumat pengguna oleh penguatkuasa undang-undang, (2) bilangan pengguna yang maklumatnya diminta, (3) peratusan yang melibatkan pendedahan	Lihat laporan Ketelusan di Dropbox kami untuk mendapatkan maklumat tentang cara kami mengendalikan permintaan daripada penguat kuasa undang-undang.
TC-SI-220a.5	Senarai negara yang produk atau perkhidmatan terasnya tertakluk pada pemantauan, penyekatan, penapisan kandungan, atau penapisan yang diwajibkan oleh kerajaan	Dropbox percaya bahawa permintaan data oleh pihak kerajaan harus dihadkan dari segi jenis maklumat yang diminta dan dibataskan kepada orang tertentu dan penyiasatan yang sah. Menurut Dasar Privasi kami , Dropbox boleh mendedahkan maklumat pengguna kepada pihak ketiga hanya jika kami menentukan bahawa pendedahan tersebut perlu dan wajar. Kami mematuhi prinsip panduan khusus apabila menerima, meneliti dan membalas permintaan kerajaan (termasuk keselamatan negara) yang meminta data pengguna.

Keselamatan data		
TC-SI-230a.1	(1) Bilangan pelanggaran data, (2) peratusan yang melibatkan maklumat pengenalan peribadi, (3) bilangan pengguna yang terjejas	Kami tidak mengalami sebarang pelanggaran data yang material pada tahun 2022. Apabila kriteria pendedahan awam dipenuhi, pelanggaran data yang material akan dimasukkan dalam pemfailan keselamatan kami.
TC-SI-230a.2	Perihal pendekatan bagi mengenal pasti dan menangani risiko keselamatan data, termasuk penggunaan piawaian keselamatan siber pihak ketiga	Lihat bahagian Privasi, keselamatan dan kebolehpercayaan data dalam Laporan Kesan ESG 2021 dan Dasar Privasi kami .
Merekrut dan mengurus tenaga kerja global, pelbagai dan berkemahiran		
